

**FAKTOR PENGLIBATAN TINGKAH LAKU DELINKUEN DALAM KALANGAN REMAJA:
SATU SOROTAN LITERATUR SISTEMATIK
INVOLVEMENT FACTORS IN DELINQUENT BEHAVIOR AMONG ADOLESCENTS: A
SYSTEMATIC LITERATURE REVIEW**

Mariam binti Abd Majid^{1*}, Nurzatil Ismah Azizan², Noraini Mohamad³, Abur Hamdi Usman⁴, Noor Hafizah Mohd Haridi⁵, Zainab Ismail⁶ & Aisyah Humairak Abdul Rahman⁷

¹Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), mariam@kuis.edu.my

²Pensyarah, Jabatan Al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, KUIS, nurzatil@kuis.edu.my

³Pensyarah, Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam (JKPI), Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), norainimohamad@kuis.edu.my

⁴Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), aburhamdi@kuis.edu.my

⁵Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), noorhafizah@kuis.edu.my

⁶Pensyarah, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), zainab@ukm.edu.my

⁷Pembantu Penyelidik, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 21mt09001@student.kuis.edu.my

*Penulis Penghubung

Artikel diterima: 10 Oktober 2021

Selepas Pembetulan: 07 November 2021

Diterima untuk terbit: 27 November 2021

Abstrak

Tingkah laku delinkuen yang berlaku dalam kalangan remaja hari ini menjadi antara isu yang sangat serius serta membimbangkan pelbagai pihak dan golongan masyarakat. Golongan remaja adalah golongan yang berisiko tinggi terdedah dan terpengaruh dalam tingkah laku delinkuen iaitu sama ada kategori salah laku berat ataupun ringan. Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2019 mencatatkan sebanyak 4833 orang remaja terlibat dengan jenayah mengikut jenis kes dan jantina. Pelbagai faktor dikenalpasti menyumbang kepada penglibatan golongan remaja dalam tingkah laku delinkuen ini. Justeru itu, artikel ini mengemukakan satu tinjauan literatur sistematik berkaitan faktor-faktor penglibatan golongan remaja dalam tingkah laku delinkuen. Metodologi kajian menggunakan kaedah sorotan literatur bersistematik yang disusun hasil himpunan artikel jurnal berkaitan kajian topik. Hasil dapatan mendapati ibu bapa dan keluarga adalah faktor dominan yang mempengaruhi penglibatan remaja dalam tingkah laku delinkuen diikuti dengan faktor rakan sebaya, guru, sekolah dan persekitaran. Keprihatinan dan kerjasama semua pihak penting bagi membendung penglibatan remaja dalam tingkah laku delinkuen ini.

Kata Kunci

Faktor, Penglibatan, Tingkah Laku, Remaja, Delinkuen, Sorotan Literatur Sistematik

Abstract

Delinquent behavior that occurs among adolescents today has become one of the most serious issues and worries various parties and sections of society. Adolescents are those who are at high risk of being exposed and influenced in delinquent behavior, which is either a category of serious or mild misconduct. Statistics from the Department of Social Welfare in 2019 recorded a total of 4833 teenagers involved in crime by case type and gender. Various factors have been identified to contribute to the involvement of adolescents in delinquent behavior. Therefore, this article presents a systematic literature review related to the factors of adolescent involvement in delinquent behavior. The research methodology uses a systematic literature review method that is compiled from a collection of journal articles related to the topic study. The findings found that parents and family were the dominant factors influencing the involvement of adolescents in delinquent behavior followed by peer, teacher, school and

environmental factors. The concern and cooperation of all parties is important to curb the involvement of adolescents in this delinquent behavior.

Keywords

Factor, Involvement, Behavior, Adolescents, Delinquent, Systematic Literature Review

1. Pendahuluan

Golongan remaja hari ini adalah generasi pelapis yang bakal menerajui kepimpinan negara pada masa hadapan (Mohamad Naquiddin Dahamat Azam, Mariani Mansor & Siti Nor Yaacob, 2012). Generasi remaja ini perlu mempunyai pelbagai persiapan dan kekuatan diri untuk keperluan menggalas tanggungjawab serta peranan sebagai pemimpin barisan hadapan dalam masyarakat dan negara. Namun, apa yang menjadi kekusaran semua pihak, penglibatan golongan remaja dalam kes-kes tingkah laku delinkuen sama ada ringan atau berat didapati berlaku dengan berleluasa. Menurut Yustisi (2019), antara penyakit sosial yang banyak berlaku kebelakangan ini ialah kenakalan remaja (*juvenile delinquency*) iaitu perilaku jahat atau kenakalan anak-anak muda. Antara kes-kes delinkuen remaja yang berlaku dalam masyarakat ialah perzinaan, pembuangan bayi, khalwat, rogol dan penyalahgunaan dadah (Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yusuf & Fakhrol Adabi Abdul Kadir, 2020).

Keterlibatan remaja dalam tingkah laku delinkuen ini didapati berpunca daripada beberapa faktor dalaman dan luaran. Antara faktor dalaman tersebut adalah sikap diri sendiri dan latar belakang keluarga (Yohanes, 2017), manakala faktor luaran seperti pengaruh rakan, media massa dan persekitaran (Mohd Nuri, 2016; Ela et.al, 2017) dikenal pasti mempengaruhi penglibatan remaja. Gejala delinkuen dalam kalangan remaja yang berlaku ini penting diberi perhatian serta memerlukan usaha dan sokongan pelbagai pihak. Ini bertujuan untuk membendung tingkah laku delinkuen ini daripada terus berleluasa (Buerah et. al, 2015). Sebaliknya, jika ianya tidak ditangani dengan segera, tingkah laku delinkuen yang berlaku dalam kalangan remaja ini menjadi semakin sukar untuk diubati.

Kajian lanjut boleh diterokai berkaitan faktor-faktor dalaman dan luaran ini secara khusus dan mengenal pasti intervensi yang diperlukan bagi membendung fenomena gejala delinkuen dalam kalangan remaja ini. Sebaliknya jika usaha dan faktor ini tidak dilihat dengan serius, ianya bakal mengundang impak yang lebih parah sekaligus memberi pelbagai cabaran dalam usaha pembangunan diri golongan remaja. Faktor pengabaian sosial, gangguan yang berlaku pada masa remaja dan kanak-kanak atau *childhood disorders* menimbulkan penderitaan emosional serta gangguan kejiwaan lain pada pelakunya dan kemudian hari boleh berkembang menjadi bentuk kenakalan remaja. Kenakalan yang dilakukan oleh anak-anak remaja merupakan produk daripada keadaan masyarakat dengan segala pergolakan sosial yang ada di dalamnya. Kenakalan anak remaja ini disebut sebagai salah satu penyakit masyarakat atau penyakit sosial. Salah satu penyakit sosial yang banyak terjadi kebelakangan ini adalah kenakalan remaja (*juvenile delinquency*) iaitu perilaku jahat atau kenakalan anak-anak muda, yang merupakan gejala patologis secara sosial pada anak-anak dan remaja disebabkan oleh salah satu bentuk pengabaian sosial sehingga mereka mengembangkan bentuk tingkah laku (Yustisi Maharani Syahadat, 2019).

2. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik [*systematic literature review* (SLR)]. Usaha menyorot kajian lepas bertujuan memahami masalah yang dikaji dan mengenalpasti kelemahan berkaitan perbincangan kajian. Oleh itu, metode dokumentasi diaplikasi menerusi pengumpulan data dan penelitian dokumen yang mempunyai hubungan dengan fokus kajian. Dokumen adalah berbentuk bahan bertulis tangan atau bercetak yang melaporkan sesuatu peristiwa (Blanche & Durheim, 1999). Salah satu kriteria artikel yang diteliti bagi kajian ini ialah penulisan artikel jurnal dari tahun 2015 sehingga 2021.


Kaedah tinjauan literatur sistematik (SLR) ini mengaplikasikan carian sistematik untuk mengenalpasti faktor penglibatan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja dengan terperinci. Prinsip tinjauan

literatur sistematik (SLR) diterapkan oleh penyelidik moden untuk melihat fenomena yang berlaku melalui kata kunci penyelidikan (Michie, S. & Williams, S., 2003; Abur Hamdi Usman, Muhammad Fakhrrur Razi Shahabudin, Marlon Pontino Guleng, Razaleigh Muhamad @Kwangit, 2020).

Pencarian bagi artikel ini dilakukan menggunakan terma pencarian yang khusus dalam bahasa Melayu iaitu “faktor” “remaja” “delinkuen” serta dalam bahasa Inggeris juga iaitu “delinquent” AND “adolescent” AND “factors” AND “Malaysia” OR “Indonesia”. Kombinasi terma di atas dilakukan dengan menghadkan tahun penerbitan artikel jurnal dalam tempoh 7 tahun iaitu dari tahun 2015 sehingga 2021 merangkumi Malaysia dan Indonesia. Kajian ini dibantu dengan akses pangkalan data *google scholar*, *researchgate*, dan *academia*, *web of science (wos)* dan *scopus*. Tajuk dan abstrak artikel jurnal diteliti untuk mengenal pasti topik perbincangan iaitu faktor delinkuen dalam kalangan remaja dengan mengecualikan perkara selain daripada fokus kajian ini. Ini bermakna, artikel yang tidak berkaitan dengan persoalan dan objektif kajian serta tidak menepati kriteria yang ditentukan tidak dimasukkan ke dalam tinjauan sistematik literatur (SLR) ini.

Pemilihan artikel kajian yang dibuat adalah artikel penyelidikan di Malaysia dan Indonesia. Justifikasi skop ini kerana dua negara Malaysia dan Indonesia memiliki persekitaran serta sosio-budaya yang hampir sama. Menurut Rohani Ab Ghani (2020) Malaysia-Indonesia adalah dua negara yang mendasari kekuatan rumpun Melayu dalam Nusantara. Dalam aspek perhubungan antarabangsa, Indonesia merupakan antara negara yang memenuhi hampir kesemua ciri dalam elemen dasar luar Malaysia seperti aspek sejarah, ekonomi, pengaruh politik, geografi dan demografi. Selain itu, terdapat perkaitan persamaan antara Malaysia dan Indonesia iaitu banyak dikaitkan dengan bahasa Melayu, kerana ia merupakan asas kewujudan bahasa Indonesia (Rohani Ab Ghani & Zuhilmi Paidi, 2010).

Faktor yang mempengaruhi tingkah laku remaja delinkuen merupakan kriteria utama dalam analisis kajian dalam artikel ini. Rajah 1 mengemukakan kajian menerusi metode tinjauan literatur sistematik meliputi pengkaji, tahun penerbitan, tajuk, isu, metode dan faktor-faktor penglibatan remaja dalam tinglah laku delinkuen. Hasil carian menerusi kata kunci yang digunakan, sebanyak 1333 artikel dikumpulkan daripada carian menerusi pangkalan data. Saringan seterusnya mengeluarkan 244 artikel kerana fokus kajian literatur tidak berkaitan dengan objektif kajian ini. Hanya 13 artikel kajian literatur yang boleh diterima untuk dianalisis dalam prinsip matrik sorotan sistematik literatur atau *systematic literature review (SLR)*.



Rajah 1: Carian Primitif
Sumber: Michie & Williams, 2003

Sementara itu, selebihnya 244 artikel lagi tidak dipilih kerana fokus kajian literatur tidak berkaitan dengan objektif kajian ini. Rujuk Rajah 2.



Rajah 2: Justifikasi artikel yang ditolak

3. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Berikut adalah 13 artikel didapati memenuhi kriteria artikel yang diperlukan serta relevan dengan fokus kajian. Faktor yang mempengaruhi tingkah laku remaja delinkuen merupakan kriteria utama dalam analisis kajian ini manakala fokus isu adalah kajian tujuh (7) tahun kebelakangan iaitu dari 2015-2021. Jadual 1 berikut mengemukakan artikel-artikel kajian yang diperolehi menerusi metode tinjauan literatur sistematik.

Jadual 1: Artikel Berkaitan Faktor Tingkah laku Remaja Delinkuen

Bil	Pengkaji	Tahun	Tajuk	Isu	Metode/ Instrumen	Faktor
1	(Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim)	2015	Delinkuen Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/ Pelajar Muslim Bersepadu	Tingkah laku delinkuen remaja/pelajar belum berada pada tahap serius, namun perlu kepada penyelesaiannya secara menyeluruh yang melibatkan pelbagai pihak.	Kualitatif (Temubual)	Antara faktor utama ialah sikap pelajar sendiri, faktor latar belakang keluarga, rakan sebaya, pengaruh media massa dan persekitaran.
2	(Mohd Nuri Mustafa)	2016	Fenomena Delinkuen Dalam Kalangan Remaja Yang Berisiko di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Luar Bandar Malaysia	Perlakuan delinkuen di SMKA menunjukkan bahawa tujuan dan matlamat falsafah pendidikan negara dan	Kualitatif (Temubual)	Tingkah laku delinkuen berlaku kepada remaja masa kini disebabkan dua faktor iaitu faktor dalaman

				falsafah SMKA belum tercapai sepenuhnya. Maka ia memerlukan sebuah pendekatan yang lebih komprehensif yang dapat membangunkan belia remaja di SMKA.		diri dan faktor persekitaran.
3	(Yohanes Berkhmas Mulyadi)	2017	Hubungan Persepsi Keharmonisan Keluarga dan Self Esteem dengan Kenakalan Remaja	Terdapat variable lain yang lebih berpengaruh kepada kenakalan remaja seperti pengaruh rakan sebaya atau <i>peer group</i> .	Kuantitatif (Soal Selidik)	Faktor mempengaruhi kenakalan remaja adalah keadaan keluarga yang tidak harmoni, kurang memiliki <i>self esteem</i> dan kesesuaian dalam memilih teman sebaya.
4	(Ela Zain Zakiyah, Sahadi Humaedi & Meilanny Budiarti Santoso)	2017	Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Dalam Melakukan <i>Bullying</i>	Tindakan ini sangat berhubung dengan dunia pekerjaan sosial, jadi dalam kes pelajar atau remaja memerlukan khidmat kaunseling daripada kaunselor untuk menangani masalah ini.	Kualitatif (Analisis dokumen)	Faktor berlakunya buli dalam kalangan pelajar sekolah dan remaja ialah disebabkan individu, keluarga, sekolah, faktor kelompok sebaya, keadaan lingkungan sosial serta tayangan televisyen dan media cetak.
5	(Rozmi Ismail, Nor Azri Ahmad, Fauziah Ibrahim & Salina Nen)	2017	Pengaruh Faktor Individu, Keluarga dan Persekitaran Sosial Terhadap Tingkah Laku Penyalahgunaan Bahan dalam Kalangan Remaja	Dasar atau pembinaan modul pencegahan salah guna bahan dalam kalangan remaja perlu memfokus kepada aspek	Kuantitatif Kajian Tinjauan (Soal selidik)	Faktor mempengaruhi tingkah laku salah guna bahan dalam kalangan remaja ialah sekolah, komuniti dan

				mengurangkan risiko dalam faktor persekitaran sosial seperti keadaan sekolah dan faktor komuniti yang tidak kondusif.		faktor luaran (persekitaran sosial) seperti pengaruh rakan sebaya lebih penting daripada faktor dalaman (individu dan keluarga).
6	(Nik Nursyairah Nik Nordin & Mohd Nasir Selamat)	2018	Tingkah Laku Delinkuen Pelajar dan Faktor-Faktor yang Mempengaruhinya	Guru faktor paling dominan mempengaruhi tingkah laku delinkuen pelajar berbanding faktor ibu bapa dan rakan sebaya.	Kuantitatif Kaedah persampelan bertujuan (Soal selidik)	Faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku delinkuen ialah faktor ibu bapa, faktor guru dan faktor rakan sebaya.
7	(Absah Atiah Abu Bakar & Mohd. Isa Hamzah)	2019	Faktor Keterlibatan Remaja dengan Masalah Sosial	Ibu bapa, pihak sekolah, PIBG dan NGO termasuklah penggerak pusat berperanan merangka program yang bersesuaian bagi mengelakkan remaja terjebak dengan masalah sosial	Kuantitatif Kajian Tinjauan (Soal Selidik)	Faktor dikenalpasti ialah diri sendiri, ibu bapa, media massa dan rakan sebaya.
8	(Ati Kusmawati)	2019	Inner Peace of Delinquent Adolescent From The Islamic Psychology Perspective	Remaja yang terlibat dengan perilaku delinkuen perlu memiliki kedamaian batin serta harus adanya dukungan sosial daripada semua pihak.	Kajian Kualitatif (Penelitian dokumen)	Faktor remaja delinkuen ialah faktor persahabatan, faktor keluarga, faktor sekolah dan faktor komuniti.
9	(Bee Piang Tan, Jamil @Osman Zuraini & Mahadhir Naidu	2019	Examining family and school factors as predictors of delinquency: A study of juvenile offenders, at-risk students, and low-	Kajian ini adalah untuk memeriksa peranan struktur keluarga, hubungan keluarga,	Kuantitatif Analisis regresi logistik nominal (Soal selidik)	Kajian ini menunjukkan bahawa hubungan keluarga, hubungan sekolah, dan

	Noor Banu)		risk students in Malaysia	in	hubungan sekolah, dan komitmen untuk belajar dalam memprediksi kemungkinan kenakalan.		komitmen untuk pembelajaran mempunyai kesan ramalan yang berbeza terhadap kemungkinan tahap-tahap yang berbeza kepada tingkah laku delinkuen.
10	(Syarifan Nurjan, Heru Kurnianto Tjahjono & Muhammad Nurul Yamin)	2019	Meta-Analysis on Adolescent Behavior Delinquency	on	Melalui pendekatan kawalan psikososial, anggap bahawa dalam kajian ini kecenderungan tingkah laku kenakalan remaja dipengaruhi oleh remaja dalaman (dalam bentuk kawalan sendiri dan konsep sendiri) dan persekitaran (dalam bentuk keagamaan sekolah asrama keluarga dan keagamaan ibu bapa), hubungan keagamaan dengan mediasi kawalan psikososial di mana remaja berada	Kuantitatif (Analisis-meta)	Kajian ini menggunakan analisis meta terhadap tingkah laku kenakalan remaja dipengaruhi oleh bentuk kawalan dalaman remaja dan identiti diri dan faktor persekitaran seperti keluarga, sekolah, rakan sebaya dan media dengan kawalan psikososial mediasi, yang mengesyaki bahawa tingkah laku jahat atau kenakalan yang merupakan gejala penyakit (patologi) secara sosial pada remaja mengakibatkan pengabaian sosial.
11	(Hasbullah Mad Daud, Ahmad Yussif &	2020	Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran	Melalui	Keperluan signifikan terhadap KPM, guru dan juga ibu bapa	Kualitatif (Analisis tematik)	Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi akhlak remaja

	Fakhrul Adabi Abdul Kadir)		Sosial Menurut Perspektif Islam	memperkemaskan penerapan nilai Pendidikan Islam supaya matlamat menjadikan generasi muda yang beriman dapat dicapai.		antaranya ialah persekitaran pelajar iaitu ibu bapa, guru, rakan sebaya, masyarakat dan media massa.
12	(Nurul Shahira Zolkarnain & Faudziah Yusof)	2020	Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Tingkatan Tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Alauddin, Masjid Tanah, Melaka	Terdapat hubungan antara kasih sayang ibubapa dengan tingkahlaku delinkuen dalam kalangan pelajar remaja	Kuantitatif (Soal selidik)	Faktor keluarga merupakan penyebab utama berlakunya tingkah laku devian dalam kalangan remaja.
13	(Norsahida Sakira Kirman, Mohammad Mujaheed Hassan, Farah Husna Anwar, Azlina Mohd Khir, Wan Munira Wan Jaafar)	2021	Faktor Sosialisasi Dalam Mempengaruhi Tingkah Laku Individu	Pelajar lelaki lebih cenderung dipengaruhi oleh media massa manakala pelajar perempuan lebih cenderung dipengaruhi oleh rakan sebaya dan didapati juga tingkah laku agresif individu dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu media massa, rakan sebaya dan diri sendiri.	Kuantitatif (Soal selidik)	Lima faktor sosialisasi yang mempengaruhi tingkah laku individu iaitu keluarga, rakan sebaya, persekitaran, sekolah dan media massa.

Merujuk kepada Jadual 1, tiga belas (13) artikel menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan remaja dalam tingkah laku delinkuen. Sembilan (9) artikel kajian dari Malaysia dan empat (4) artikel kajian lagi dari Indonesia.

Dapatan mendapati wujud persamaan faktor dikemukakan mengenai penglibatan golongan remaja dengan tingkah laku delinkuen dalam artikel kajian pada tahun 2015 dan 2016 iaitu faktor diri sendiri, keluarga, rakan, media massa dan persekitaran. Sedikit perbezaan terhadap tiga (3) artikel pada tahun 2017 yang mengemukakan faktor-faktor penglibatan remaja dalam tingkah laku delinkuen dipengaruhi oleh faktor keluarga, diri, rakan sebaya, lingkungan sosial, televisyen dan media cetak. Seterusnya artikel kajian tahun 2018 dan 2019 juga dikenal pasti mengemukakan dapatan kajian yang hampir sama berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan golongan remaja dalam tingkah laku delinkuen iaitu faktor diri sendiri, ibu bapa, guru, media massa, rakan sebaya dan komuniti. Artikel kajian pada tahun 2020 oleh Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yusuf & Fakhrul Adabi Abdul Kadir dan artikel kajian terkini oleh Norsahida Sakira Kirman, Mohammad Mujaheed Hassan, Farah Husna Anwar, Azlina Mohd Khir, Wan Munira Wan Jaafar pada tahun 2021 mengemukakan faktor persekitaran pelajar iaitu ibu

bapa, keluarga, guru, rakan sebaya, masyarakat dan media massa. Rajah 2 berikut menerangkan berkaitan faktor-faktor yang dinyatakan berdasar kategori dalaman dan luaran.

Jadual 2: Penglibatan Remaja Dalam Gejala Delinkuen Berdasar Kategori

Kategori Faktor	Dalaman	Luaran				
		Ibubapa/ Keluarga	Rakan	Guru/ sekolah	Media Massa	Persekitaran/ komuniti
Tahun Artikel Kajian	Sikap Diri					
2015	/	/	/		/	/
2016	/					/
2017		/	/			
2017	/	/	/	/	/	/
2017	/	/	/	/	/	/
2018		/	/	/		
2019	/	/	/		/	
2019		/	/	/		/
2019		/	/	/		
2019	/	/	/	/	/	/
2020		/	/	/	/	/
2020		/				
2021	/	/	/	/	/	
Total	7/13	12/13	9/13	8/13	7/13	7/13


Hasil analisis terhadap artikel kajian terbitan 2015 sehingga 2021, mengemukakan faktor luaran lebih banyak menyumbang terhadap penglibatan remaja dalam tingkahlaku delinkuen. Jika dilihat berdasarkan peratusan mengikut kategori, faktor dalaman yang mempengaruhi penglibatan remaja dalam tingkahlaku delinkuen adalah sebanyak 15% berbanding faktor luaran iaitu 85%. Peratusan ini menunjukkan bahawa faktor luaran didapati dominan mempengaruhi penglibatan remaja dalam tingkahlaku delinkuen. Faktor luaran tersebut ialah ibu bapa atau keluarga, rakan, guru atau sekolah, media massa dan persekitaran atau komuniti manakala faktor luaran iaitu diri remaja sendiri. Keadaan ini berlaku ekoran kelemahan jati diri remaja yang kurang mampu menangkis faktor-faktor cabaran luaran yang dihadapi sehingga mengakibatkan golongan remaja terjebak dalam salah laku delinkuen. Menurut Zakaria Stapa et. al (2012), faktor persekitaran sosial mempengaruhi atau menjadi sumber pembelajaran kepada proses pembentukan tingkahlaku seseorang melalui pelbagai corak pembelajaran sosial seperti pemodelan, maklum balas, dorongan dan halangan (Azhar Ahmad, 2006). Faktor persekitaran sosial yang dimaksudkan termasuklah elemen-elemen kemanusiaan seperti pengaruh ibu bapa, pengaruh guru-guru, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh masyarakat, atau juga elemen-elemen bukan kemanusiaan seperti pengaruh pelbagai jenis media yang diterima oleh seseorang semasa menjalani proses kehidupan mereka. Kesemua dinyatakan sangat berkait rapat dengan berlakunya masalah sosial terutama dalam kalangan remaja.

Seterusnya dikemukakan hasil analisis artikel-artikel berkaitan mengikut bilangan dan peratusan faktor. Sebanyak 7/13 (15%) artikel mengemukakan faktor diri yang mempengaruhi penglibatan dalam tingkahlaku delinkuen, 12/13 (24%) artikel kajian menjelaskan bahawa faktor ibu bapa atau keluarga, 9/13 (19%) faktor rakan, 8/13 (14%) faktor guru atau sekolah, 7/13 (14%) adalah faktor media massa dan 7/13 (14%) adalah faktor persekitaran atau masyarakat.

Secara umumnya, jika dilihat berdasarkan aspek bilangan dan nilai peratusan setiap faktor penglibatan remaja dalam tingkahlaku delinkuen adalah hampir sama dan konsisten di antara satu dapatan kajian dengan dapatan kajian yang lain. Tidak terdapat jurang perbezaan yang ketara berkaitan faktor-faktor penglibatan remaja dalam gejala delinkuen yang dikemukakan dalam artikel kajian-kajian tersebut berdasarkan trend kajian bermula tahun 2015 sehingga tahun 2021. Rajah 3 berikut dikemukakan

dalam bentuk peratusan berkaitan faktor-faktor penglibatan remaja dalam gejala delinkuen. Rajah 3 berikut adalah pembahagian faktor dalam peratusan.

Rajah 3: Peratusan Faktor Penglibatan Remaja Dalam Gejala Delinkuen



Peratusan dalam rajah 3 menunjukkan ibu bapa atau keluarga adalah faktor yang memiliki kekerapan yang tinggi dikemukakan iaitu 24%, diikuti dengan faktor rakan sebaya iaitu 19%. Manakala faktor diri adalah 15%, guru atau sekolah, media massa dan persekitaran menyumbang peratusan yang sama iaitu sebanyak 14%.

Dapatan ini menunjukkan kepentingan peranan ibu bapa dan keluarga dalam menangani penglibatan remaja dalam tingkah laku delinkuen. Ibu bapa bertanggungjawab melaksanakan amanah dengan memberi didikan dan asuhan kepada anak-anak di rumah agar dapat membendung anak-anak remaja daripada terjebak dalam tingkah laku delinkuen (Habibie et al 2018). Pendekatan didikan ibu bapa dan ahli keluarga boleh dilaksanakan dengan menerapkan sikap serta nilai-nilai murni yang baik sesama ahli keluarga. Ibu bapa mesti menjadi '*role model*' yang baik dalam membina dan membentuk akhlak anak-anak remaja agar segala perkara serta sikap yang baik ditunjukkan oleh ibu bapa dicontohi oleh anak-anak. Kajian Habibie et al (2018) menyarankan antara strategi yang boleh dilakukan oleh para ibu bapa dalam mendekati anak-anak remaja yang ialah dengan mencari penyelesaian masalah secara bersama, memberikan kasih sayang dan layanan yang mesra kepada anak-anak serta memperuntukkan masa yang secukupnya untuk anak-anak. Pelaksanaan usaha ini menandakan kewujudan mereka di dalam keluarga. Ibu bapa juga perlu berperanan membangun keperluan rohani anak-anak. Sesuai dengan kedudukan rumah sebagai institusi pendidikan pertama, ibu bapa bertanggungjawab memberikan pendidikan agama, iman dan akhlak (Yahaya, 2017). Agama merupakan perkara yang paling utama perlu dititikberatkan dalam pendidikan anak-anak remaja. Mengutamakan pembentukan dan pendidikan agama yang baik berupaya melahirkan anak yang soleh dan solehah, berakhlak baik serta sedar terhadap tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini.

Faktor rakan sebaya juga mempunyai pengaruh yang besar dalam mempengaruhi tingkah laku individu. Sekiranya nilai-nilai rakan sebaya tidak mementingkan ketekunan, tanggungjawab, kerjasama, menepati masa, menghormati guru dan mematuhi peraturan maka begitulah acuan sikap diri. Selaras dengan dapatan kajian Absha Atiah Abu Bakar dan Mohd. Isa Hamzah (2019) mendapati faktor rakan sebaya menjadi antara faktor mempengaruhi keterlibatan golongan remaja dalam masalah sosial.

Selain itu guru turut mempunyai peranan yang besar pembentukan diri pelajar. Ini sejajar dengan dapatan kajian Asnuurien Najma Ahmad Azlin dan Nurhaini Mansor (2013) bahawa personaliti guru turut mempengaruhi pembentukan peribadi murid. Sebaliknya, faktor guru yang lemah dalam kemahiran komunikasi boleh menyebabkan pelajar mengalami perasaan tidak puas hati, tekanan psikologi, hilang perasaan kasih sayang dan sebagainya (Nik Nursyairah Nik Nordin & Mohd Nasir Selamat, 2018).

Faktor sikap diri remaja menyumbang 15% terhadap penglibatan dalam tingkah laku delinkuen. Kekukuhan jati diri remaja penting dibangunkan agar berupaya menangkis sebarang elemen yang boleh membawa diri melakukan gejala negatif (Ahmad Sahroji, 2021). Firman Allah SWT dalam surah Ar-Rad, ayat ke 11:

لَهُ مُعَقِّبَاتٌ مِّنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ ۚ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُعَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُعَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُ ۗ وَمَا هُمْ مِّنْ دُونِهِ ۗ مِنْ وَّالٍ

Maksudnya: "Bagi manusia ada malaikat-malaikat yang selalu mengikutinya bergiliran, di muka dan di belakangnya, mereka menjaganya atas perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tak ada yang dapat menolaknya dan sekali-kali tak ada pelindung bagi mereka selain Dia".

Surah Ar-Ra'd (7): 11

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT tidak akan mengubah kehidupan seseorang jika kita sendiri tidak mengubahnya. Semuanya bermula daripada diri sendiri. Kekuatan jati diri penting dimiliki oleh seseorang. Setiap remaja terutama yang berada di fasa pertengahan dan akhir iaitu pada umur lingkungan 15 sehingga 21 tahun ini perlu mempunyai prinsip dalam diri mereka sendiri. Dapatan kajian Absha Atiah Abu Bakar dan Mohd. Isa Hamzah (2019) mendapati diri remaja adalah faktor yang dominan mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial diikuti dengan faktor rakan, media massa dan ibu bapa. Luqman mengajarkan anaknya agar berpegang teguh kepada tiga prinsip iaitu akidah, ibadah dan akhlak (Arifin Mamat & Adnan Abd Rashid, 2013; Tengku Fauzan, 2017). Seandainya mereka mempunyai prinsip yang jelas dan sentiasa berpegang teguh pada prinsip tersebut maka, setiap perjalanan yang mereka tempuhi dan lalui menjadi lebih mantap.

Berdasarkan dapatan artikel kajian ini mendapati bahawa faktor diri sendiri, faktor ibu bapa, faktor keluarga, faktor sekolah, faktor persekitaran, faktor rakan sebaya dan faktor media massa didapati menjadi antara faktor yang mempengaruhi penglibatan remaja dalam tingkah laku delinkuen. Permasalahan tingkah laku delinkuen yang berlaku dalam kalangan remaja ini memerlukan kerjasama daripada semua pihak untuk ditangani. Pihak ibu bapa dan institusi keluarga berperanan penting kerana merupakan entiti dominan dalam mencorak dan membentuk anak-anak ke arah kebaikan melalui pembentukan dan pendidikan awal anak-anak bermula daripada rumah. Rumah adalah tempat pertama anak-anak membesar dan meraih kasih sayang bersama keluarga.

Anak-anak khususnya golongan remaja pada abad ke-21 ini atau dikenali sebagai generasi Y dan Z ini mudah terdedah dengan pelbagai bentuk pengaruh luaran. Fenomena dunia hari ini disebut sebagai *'borderless world'* memberi kesan dalam perubahan tingkah laku manusia sama ada dalam impak positif atau negatif (Nor Fazilah Noor Din dan Hishamudin Isam, 2019; Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, 2019). Kesan ini dilihat lebih ketara terhadap pembentukan tingkah laku anak-anak terutama pada tahap usia remaja (Yuli Endah Purwati Arum Buana dan David Hizkia Tobing, 2019). Anak-anak remaja mudah terpengaruh dengan program yang merosakkan pembinaan akhlak diri berbanding program yang membina akhlak. Keadaan ini mengundang pelbagai cabaran kepada ibu bapa khususnya dalam usaha mendidik anak-anak. Kesabaran, kewibawaan dan kebijaksanaan penting dalam mengurus cabaran dihadapi untuk membentuk keutuhan jati diri anak-anak dibina. Masalah berkaitan sosial remaja yang berlaku mempunyai kaitan dengan tahap hubungan antara ibu bapa dengan remaja (Maizatul Akmal Abu Bakar, 2007).

Pendekatan bimbingan yang didasarkan terhadap teras agama dan sesuai mengikut perkembangan anak-anak. Teras utama pendidikan Luqman al-Hakim terhadap anaknya antaranya ialah tidak menyirikkan Allah swt, berbuat baik kepada ibu bapa, penerapan sifat taqwa dan waspada terhadap Allah swt, mendirikan solat, membuat makruf dan mencegah kemungkaran serta bersabar dan menjauhkan diri daripada sifat sombong, bersederhana dan lunak ketika bercakap (Arifin Mamat & Adnan Abd Rashid, 2013; Tengku Fauzan, 2017). Kajian Fauziah et al (2012) turut menjelaskan bahawa pengetahuan agama berupaya mengurangkan kecenderungan anak-anak terlibat dengan aktiviti yang tidak bermoral dan juga merosakkan akhlak.

Agama penting dititik beratkan sebagai asas dalam mendidik anak. Pendidikan dan pengetahuan agama merupakan medium terpenting dalam membentuk jati diri remaja (Fauziah Ibrahim et al, 2012). Kepentingan agama sebagai asas dalam bimbingan anak-anak diterangkan dalam al-Quran antaranya dalam surah Luqman ayat 12-19. Terdapat tiga nilai pendidikan dijelaskan dalam ayat ini iaitu pendidikan akidah (larangan menyekutukan Allah, menyakini adanya akhirat), pendidikan syariah (perintah mendirikan solat, perintah amar ma'ruf nahi mungkar) dan pendidikan karakter (bersyukur kepada Allah atas kurniaan-Nya) (Mukodi, 2011; Nurul Syazwani Afiqah Amir Hamzah, Tengku Fauzan Tengku Anuar, Nur Nazihah Rahim, 2017). Ayat tersebut mengandungi petunjuk Allah SWT kepada hamba-Nya iaitu Luqman yang dikurniakan hikmah dalam tutur kata ketika memberi pengajaran kepada anaknya. Kata-kata Luqman ini mengandungi panduan untuk membentuk sahsiah anak (Muhamad Ridzuan Zakaria, 2017).

Selain kepentingan terhadap agama sebagai teras dalam pendidikan remaja, para ibu bapa mesti berperanan sebagai contoh ikutan yang baik kepada anak-anak. Menurut Noor Lela Ahmad, Atikah Amidi & Hariyaty Ab Wahid (2018), ibu bapa disarankan untuk mempamerkan tingkah laku yang baik dan berperanan sebagai pembentuk sahsiah serta model ikutan kepada anak-anak. Peranan ini dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Abu Hurairah r.a menjelaskan sabda Rasulullah SAW:

مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ، وَيُنَصِّرَانِهِ

Maksudnya: "Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Maka kedua orang tualah yang menjadikan anak itu menjadi Yahudi dan Nasrani.."

(Riwayat Bukhari)

Hadis ini menekankan bahawa ibu bapa memainkan peranan yang cukup penting dalam pendidikan awal anak-anak dalam pembentukan asas-asas perkembangan diri seseorang anak. Penglibatan ibu bapa sangat penting dalam mempengaruhi tahap kesejahteraan psikologi remaja (Zarinah Arshat dan Rozana Japara, 2018)

Masa mendidik yang terbaik bagi golongan anak-anak adalah pada peringkat awal usia anak-anak. "Melentur buluh biarlah daripada rebungunya," peribahasa ini membawa analogi bahawa keberkesanan pendidikan seseorang itu bermula daripada awal iaitu masa kanak-kanak (Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shahrudin, 2012). Ini turut bertepatan dengan beberapa sabda Rasulullah SAW antaranya saranan untuk menyuruh anak-anak untuk melaksanakan sembahyang seawal umur tujuh tahun;

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاصْرِبْهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرٍ

Maksudnya: "Suruhlah anak-anak kamu bersembahyang ketika berumur tujuh tahun, dan pukullah mereka (sekiranya tidak sembahyang) ketika mereka berumur sepuluh tahun".

(Riwayat Abu Daud)

Tanggungjawab menangani masalah delinkuen dalam kalangan pelajar harus dipikul secara bersama. Ibu bapa dan keluarga, rakan sebaya, guru dan sekolah, komuniti, institusi sosial seperti Jabatan

Pendidikan, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Agama, media massa, para ilmuwan dan seluruh anggota masyarakat harus melaksanakan misi menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkarannya bagi mengekang gejala tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja ini (Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim, 2015). Semua pihak harus mengambil peranan dengan sikap kerjasama dan saling melengkapi dalam usaha ini (Zainuddin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan, 2011). Usaha ini dapat direalisasikan dengan efektif menerusi kerjasama dan sokongan padu semua pihak dan anggota masyarakat.

4. Kesimpulan

Kajian ini menggunakan metode tinjauan sistematik literatur (SLR) bagi merungkaikan faktor-faktor penglibatan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor ibu bapa atau keluarga adalah faktor yang paling kerap dinyatakan dalam penglibatan remaja terhadap tingkah laku delinkuen berbanding faktor-faktor yang lain. Namun begitu, kesemua faktor adalah saling berkait di antara satu dengan yang lain. Semua pihak mahupun diri, ibu bapa, keluarga, guru, rakan sebaya, media massa dan anggota masyarakat mesti berganding bahu dan berperanan dalam usaha membentuk peribadi dan tingkah laku remaja. Golongan remaja pada masa kini perlu mempunyai jati diri dengan mantap supaya dapat mengawal diri daripada terjebak dengan tingkah laku delinkuen. Antara langkah-langkah yang perlu diberi perhatian kepada pihak remaja ialah bijak dalam membuat sesuatu keputusan dan sentiasa memilih untuk berada dalam lingkungan yang baik dan positif. Ini kerana, apabila seseorang remaja itu berada dalam lingkungan atau 'circle' yang baik maka ia akan membantu remaja agar lebih banyak terdorong dan cenderung untuk melakukan perkara yang baik serta sekaligus juga melatih diri remaja dalam bersikap positif. Selain itu, golongan remaja penting memastikan diri sentiasa berada dalam lingkungan serta persekitaran yang baik. Ibu bapa serta keluarga disarankan untuk saling mengambil berat dengan memberikan perhatian dan kasih sayang antara satu sama lain seperti meluangkan masa bersama keluarga dan anak-anak di waktu lapang dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Perkara seperti ini sangat penting dalam membina hubungan dengan lebih dekat antara ahli keluarga dan diri remaja sendiri. Sebaliknya, ketiadaan persekitaran yang baik, diri yang diabaikan atau disisihkan oleh ibu bapa serta ahli keluarga didapati menyumbang berlakunya gejala delinkuen dalam kalangan remaja.

Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) 2020. No. Geran: FRGS/1/2020/SS10/KUIS/01/1, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk 'Pembentukan Model Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Malaysia Menurut Perspektif Islam'.

Rujukan

- Abdul Rashid Ahmad. (2003). *Surah Luqman Mendidik Anak Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Absha Atiah Abu Bakar & Mohd. Isa Hamzah. (2019). Faktor Keterlibatan Remaja dengan Masalah Sosial. *Jurnal Hadhari* 11(1), 1-17. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/jhadhari/article/view/32738>.
- Abur Hamdi Usman, Muhammad Fakhur Razi Shahabudin, Marlon Pontino Guleng, Razaleigh Muhamad @Kuwangit. (2020). Systematic Literature Review On The Requirement Of Quranic Psychotherapy Model: Paedophilia Recovery Foundation. *Humanities & Social Sciences Reviews*, Vol 8, NO 2, 862-869. <https://doi.org/10.18510/hssr.2020.8295>.
- Ahmad Sahroji. (2021, Februari 25). *Kandungan Dalam Al-Quran Surah Ar-Rad Ayat 11 "Allah Tidak Akan Mengubah Nasib Suatu Kaum Kecuali Mereka Sendiri Yang Mengubahnya"*. Retrieved April 6 2021, from Era Indonesia Digital: <https://era.id/ide/53201/kandungan-dalam-al-qur-an>

surat-ar-ra-d-ayat-11-allah-tidak-akan-mengubah-nasib-suatu-kaum-kecuali-mereka-sendiri-yang-mengubahnya.

- Arifin Mamat & Adnan Abd Rashid. (2013). Aplikasi Nilai-Nilai Murni Berlandaskan Tema Luqman Al-Hakim di Dalam Al-Quran Sebagai Asas Pendidikan. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 6 (2), 136-141. Retrieved from <https://journals.mindamas.com/index.php/sosiohumanika/article/view/487>.
- Asnuurien Najma Ahmad dan Azlin Nurhaini Mansor. (2013). Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Peribadi Murid. Regional Conference on School Structure and Teacher Competence, Duties & Character (ReCSTeC 2013) pada 27th - 28th June 2013, Equatorial Hotel, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Ati Kusmawati. (2019). Inner Peace of Delinquent Adolescents From the Islamic Psychology Perspective. *Jurnal NUANSA Vol. XII, NO. 1*. <http://dx.doi.org/10.29300/nuansa.v12i1.2104>.
- Azhar Ahmad. (2006). *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. Bangi, UKM: Tesis Dr. Falsafah.
- Buerah Tunggak, Shanah Ngadi & Hamimah Abu Naim. (2015). Delinkuen Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/Pelajar Muslim Bersepadu. *Jurnal Hadhari* 7 (2), 11-30. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/jhadhari/article/view/12492>.
- Ela Zain Zakiyah, Sahadi Humaedi & Meilanny Budiarti Santoso. (2017). Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Dalam Melakukan Bullying. *Jurnal Penelitian & PPM*, 129-389. <http://dx.doi.org/10.24198/jppm.v4i2.14352>.
- Fouziah Amir. (2019). *Padah Hati Anak Terbeban*. Retrieved April 6 2021, from Sinar Harian : <https://www.sinarharian.com.my/article/8331/LIFESTYLE/Sinar-Islam/Padah-hati-anak-terbeban>.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen. (2012). Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *Journal Of Social Sciences And Humanities*. Volume 7, Number 1, 084-093.
- Habibie Bte Hj Ibrahim, Mazni Mustapha, Joki Perdani, Puteri Hayati Megat Ahmad dan Nurul Hudani Md Nawati. (2018). Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja. *Asian Social Work Journal*, Volume 3, Issue 5, 18 - 24.
- Hasbullah Mad Daud, Ahmad Yussif & Fakhru Adabi Abdul Kadir. (2020). Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities Vol 17, No 9*, 75-89. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1359>.
- Maizatul Akmam Abu Bakar. (2007). *Perkaitan Antara Hubungan Keluarga, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi dengan Tingkah laku Delinkuen Pelajar*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia .

- Mohamad Naquiuddin Dahamat Azam, Mariani Mansor & Siti Nor Yaacob, (2012). Kecerdasan Spiritual Dan Cara Gaya Kepimpinan Dalam Kalangan Pemimpin Remaja Di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. Vol 7. 10-22.
- Michie, S. & Williams, S. (2003). Reducing Work Related Psychological Ill Health and Sickness Absence: A Systematic Literature Review. *Occupational And Environmental Medicine*, 3-9. <http://dx.doi.org/10.1136/oem.60.1.3>.
- Mohd Nuri Mustafa. (2016). Fenomena Delinkuen Dalam Kalangan Remaja Yang Berisiko di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Luar Bandar Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan* Vol. 25, Issue 2. Retrieved from <https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/86>.
- Muhamad Ridzuan Zakaria. (2017). *Pembentukan Sahsiah Anak Soleh Berdasarkan Surah Luqman Si Sekolah Rendah Islam Hidayah*. Johor Bahru: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mukodi. (2011). Nilai-Nilai Pendidikan Dalam Surat Luqman. *Walisongo* 19 (2), 429-450. <https://doi.org/10.21580/ws.19.2.166>.
- Nik Nursyairah Nik Nordin & Mohd Nasir Selamat. (2018). Tingkah Laku Delinkuen Pelajar dan Faktor-Faktor yang Mempengaruhinya. *Jurnal Wacana Sarjana, Jilid 2 (1)*. 1-9. Retrieved from <http://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/62>.
- Nor Fazilah Noor Din Hishamudin Isam. (2019). Tema Perbualan Remaja Malaysia Dalam Facebook. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 30, 137-166.
- Noor Lela Ahmad, Atikah Amidi & Hariyaty Ab Wahid. (2018). Pengaruh Ibubapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Menengah. *Journal of Humanities, Language, Culture and Business, Vol. 2: No.8*, 85-94. Retrieved from http://www.icohlcb.com/images/Articles/vol_2_No.8/Paper-123-.pdf.
- Norsahida Sakira Kirman, Mohammad Mujaheed Hassan, Farah Husna Anwar, Azlina Mohd Khir, Wan Munira Wan Jaafar. (2021). Faktor Sosialisasi Dalam Mempengaruhi Tingkah Laku Individu. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities, Volume 6, Issue 1*, 106-118. <http://dx.doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.640>.
- Nurul Shahira Zolkarnain & Faudziah Yusof. (2020). Hubungan Kasih Sayang Ibu Bapa Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Tingkatan Tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Alauddin, Masjid Tanah, Melaka. *Malaysian Journal of Social Science, Jilid 5 (1)*, 25-32. Retrieved from <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JSS/article/view/656>.
- Nurul Syazwani Afiqah Amir Hamzah, Tengku Fauzan Tengku Anuar, Nur Nazihah Rahim. (2017). Tahap Penerimaan Islamik Infografik Beranimasi Dalam Memahami Al- Quran: Kajian Kes Menerusi Penceritaan Surah Luqman. *Journal of Education and Social Sciences, Vol 8, Issue 1*.
- Rohani Ab Ghani & Zulhilmi Paidi. (2010). Malaysia-Indonesia: Pengalaman Hubungan Dua Negara Serumpun. *Proceedings Seminar on National Resilience (SNAR) "Political Managements and Policies in Malaysia"* (pp. 223-246). Sintok, Kedah: Institute of Tun Dr. Mahathir Mohamad's Thoughts, Universiti Utara Malaysia. Retrieved from <http://repo.uum.edu.my/3175/>

- Rohani Ab Ghani. (2020). Hubungan Malaysia-Indonesia Menongkah Cabaran. *Persidangan Antarabangsa "Islam and Muslim Societies in Southeast Asia: Towards a Better Future"*, (pp. 1-22). Horison Hotel, Panakkukang-Makasar, Indonesia. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/345503428_Hubungan_Malaysia-Indonesia_Menongkah_Cabaran
- Rozmi Ismail, Nor Azri Ahmad, Fauziah Ibrahim & Salina Nen. (2017). Pengaruh Faktor Individu, Keluarga dan Persekitaran Sosial Terhadap Tingkah Laku Penyalahgunaan Bahan dalam Kalangan Remaja. *Makalah Akademika* 87 (1), 7-16. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/10042>.
- Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. (2019). Epistemologi dan Metodologi Sains Islam di Era Revolusi Industri 4.0. *ISLAMIIYYAT* 41(1). 13 - 23.
- Yahaya, A. (2017). Keluarga dalam Pembentukan Moral. Di akses daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/6035/1/aziziyahmoral.pdf>. 22 Oktober 2021.
- Yohanes Berkhmas Mulyadi . (2017). Hubungan Persepsi Keharmonisan Keluarga dan Self Esteem dengan Kenakalan Remaja. *Jurnal PEKAN Vol. 2 No.1*. Retrieved from <http://jurnal.stkipersada.ac.id/jurnal/index.php/PEKAN/article/view/194>.
- Yuli Endah Purwati Arum Buana Dan David Hizkia. (2019). Motivasi Mahasiswa Penerima Beasiswa BIDIKMISI Universitas Udayana Mengikuti Gaya Hidup Hedonisme Tobing. *Jurnal Psikologi Udayana*, Vol.6, (2), 221-231.
- Yustisi Maharani Syahadat. (2019). Perilaku Khas Kenakalan Remaja (Juvenile Delinquency) Pada Siswa Sekolah Menengah Atas. *Jurnal Kesehatan Mercusuar*. Retrieved from <http://jurnal.mercubaktijaya.ac.id/index.php/mercusuar/article/download/53/25>.
- Zainuddin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 115-140. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/12174/>.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari*, 155-172. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/jhadhari/article/view/12342/3913>.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shaharudin. (2012). Pendidikan Menurut Al-Quran dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 7-22. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/jhadhari/article/view/12290/0>.
- Zarinah Arshat dan Rozana Japara. (2018). Penglibatan Ibu Bapa, Sokongan Sosial dan Kesejahteraan Psikologi Remaja. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (12), 37-45.